

# Dr M rela disingkir jika lari dari dasar

22 AUG 1983

**KUALA LUMPUR,** Ahad — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau sanggup disingkir dari Umno kiranya beliau didapati lari dari dasar Umno dan sebaliknya akan terus melawannya berhabis-habisan kiranya ada orang yang ingin memecah-belahkan Umno melalui fitnah.

Presiden Umno, yang juga Perdana Menteri itu menegaskan demikian ketika menjelaskan ucapannya kelmarin yang menyentuh kedudukan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia menyentuh soal Datuk Musa dalam konteks semangat berpasukan atau 'team spirit'. "Semangat pasukan tidak terhad kepada dua orang iaitu beliau dan Datuk Musa," jelas beliau.

"Ini bukan macam Razif (pemain badminton) dan adiknya...ini bukan

badminton. Yang saya maksudkan pasukan itu ialah Majlis Tertinggi, saya perlukan kerjasama dari mereka.

"Semangat berpasukan itu mesti ada. Kabinet juga adalah satu 'team'...itulah sebabnya saya katakan bahawa setiap ahli Majlis Tertinggi dan Kabinet mempunyai tugas penting masing-masing.

"Seperti satu pasukan bolasepak, seseorang fulbek tak bolehlah tangkap bola jika penjaga golnya lemah," katanya sambil tersenyum lebar.

Beliau menerangkan, kenyataannya secara berterus-terang itu bermaksud menghapuskan khabar angin yang menyatakan kononnya ada perselisihan faham antara mereka berdua.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau seorang yang suka berterus-terang dan ucapan itu tidak bermakna 'saya nak sokong Datuk Musa'.

"Sebab-sebabnya saya berkata demikian ialah kerana ada cakap-cakap yang mengatakan saya dah tak bercakap lagi

dengan Datuk Musa...nombor satu dan nombor dua dah tak baik lagi.

"Ada orang kata saya nak pandang ke Timur dan Datuk Musa pula nak pandang ke Amerika Selatan...saya nak menerapkan nilai-nilai Islam, dia tak hendak...saya nak mengubah sikap rakyat, dia tak setuju.

"Ucapan ini saya buat bukan nak sokong Datuk Musa...dia dah salah faham," kata Datuk Seri Dr Mahathir sambil memandang ke arah Datuk Musa serta ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) yang lain.

Ini disambut dengan tepukan gemuruh dan ketawa besar para perwakilan serta hadirin yang menumpukan perhatian penuh terhadap ucapan menggulung perbincangan oleh Presiden Umno itu.

Jelasnya, perkara itu boleh merosakkan hubungan baik beliau dengan Datuk Musa dan seterusnya menjejaskan pentadbiran parti dan negara.

"Saya rela disingkir jika saya lari dari dasar Umno. Sebaliknya, jika

saya berpegang teguh kepada dasar Umno tetapi terdapat fitnah, saya akan lawan habis-habisan," tegasnya dan sekali lagi disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan.

Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno ke-34 Jumaat lalu mengucapkan terima kasih kepada perwakilan tahun 1981 kerana memilih Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau mendapat kerjasma yang baik dari Datuk Musa.

Perdana Menteri menambah, Perhimpunan Agung Umno yang diadakan setiap tahun mendapat perhatian umum dari segenap lapisan rakyat termasuk parti-parti pembangkang.

Ia juga, jelasnya adalah satu forum penting bagi membolehkan diadakan dialog terbuka antara perwakilan Umno dari seluruh negara dengan pucuk pimpinan.